

SOALAN LAZIM KAMSIS

Q. Berapakah bilangan penghuni didalam setiap bilik di kamsis?

A. Bilangan penghuni setiap bilik hanyalah dua(2) orang pelajar sahaja

Q. Bagaimanakah pelaksanaan Solat Jumaat sepanjang tempoh norma baharu ini?

A. Bergantung kepada SOP masjid.

Q. Jika saya sudah membuat rayuan permohonan kamsis, bagaimana saya boleh mengetahui status permohonan saya?

A. Status permohonan rayuan boleh diketahui melalui SPMP PBU

Q. Adakah saya masih boleh membuat permohonan kamsis?

A. Masih boleh sekiranya terdapat kekosongan lagi

Q. Saya merupakan pelajar baharu dan akan menetap di kamsis, bagaimanakah saya boleh membuat pembelian barang-barang peribadi seperti baldi, bantal, alatan mandi dan sebagainya?

A. Terdapat kedai-kedai yang terletak berhampiran dengan PBU bagi pelajar untuk membeli barang keperluan yang diperlukan

Q. Adakah SOP yang telah dikuatkuasakan diikuti oleh pihak pengurusan kamsis?

A. Pihak kamsis sentiasa melaksanakan SOP yang telah dikuatkuasakan

Q. Saya merupakan pelajar semester 2 dan tidak berjaya dalam permohonan kamsis, adakah saya masih boleh membuat permohonan rayuan?

A. Boleh sekiranya terdapat kekosongan lagi. Pelajar juga perlu membuat satu surat menyatakan keperluan menduduki kamsis

Q. Saya merupakan pelajar semester 2/3 dan telah berjaya mendapat tempat bagi menduduki kamsis. Adakah boleh sekiranya saya hendak menduduki kamsis lebih awal dari tarikh saya perlu kembali ke PBU?

A. Tiada masalah sekiranya pelajar ingin pulang awal ke kamsis. Mohon pelajar memaklumkan terlebih dahulu kepada pihak kamsis

Q. Jika saya demam pada waktu malam, bagaimana saya ingin pergi ke hospital?

A. Jika pelajar demam pada waktu malam, pelajar boleh memaklumkan kepada pihak warden bagi menghantar pelajar ke hospital berdasarkan SOP sedia ada. Jika pelajar demam pada waktu pejabat, pelajar boleh memaklumkan terus kepada penasihat akademik.

Q. Jika saya bergejala (demam dan sebagainya), bolehkah saya menetap di bilik sahaja?

A. Tidak boleh. Pelajar perlu memaklumkan kepada pihak kamsis atau warden (bergantung kepada waktu urusan) dan akan ditempatkan di bilik isolasi terlebih dahulu sebelum prosedur seterusnya dilakukan.

Q. Bolehkah sekiranya saya mahu pulang ke kampung setiap minggu?

A. Tidak digalakkan. Ini kerana kita cuba untuk mengurangkan risiko jangkitan atau penularan wabak yang sedang berlaku sekarang ini.

Q. Saya merupakan pelajar semester 2/3 dan telah berjaya mendapat tempat bagi menduduki kamsis. Perlukah saya masuk kelas seperti biasa atau kelas secara online?

A. Pelajar akan dimaklumkan kerana ada kelas yang akan dijalankan secara atas talian dan ada juga kelas yang akan dijalankan secara bersemuka

Q. Adakah capaian internet mencukupi di kamsis jika kami perlu menjalani kelas secara atas talian?

A. Capaian internet di kamsis ada tetapi tidak menyeluruh. Pelajar boleh mendapat capaian internet di pusat pelajar, perpustakaan dan kafetaria. Cuma buat masa sekarang perlu patuh kepada SOP yang berkuatkuasa

Sebarang Kemusykilan atau Pertanyaan Lanjut, Sila berhubung dengan Pegawai kami di talian 04-8689000 (Sambungan 212) pada Waktu Pejabat.